

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI LPKP SARAWAK

2022
2026

ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION PLAN
(OACP)



LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN
PERDAGANGAN SARAWAK



It is better
to give
than receive...



BUT



NO to both
when it comes to
BRIBERY

**GIVING OR ACCEPTING BRIBES
IS AN OFFENCE (MACC ACT 2009)**




E-mail : info@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
SMS : 019 6000 696
Toll Free : 1 800 88 6000

You
Can Make A Difference
FIGHT
Corruption

KANDUNGAN

MUKASURAT

Perutusan Pengerusi	4
Prakata Pengarah	6
Ringkasan Eksekutif	8
BAB 1 : Pengenalan	
1.1 Latar Belakang	10
1.2 Bidang Kuasa Dan Fungsi	11
1.3 Visi, Misi Dan Objektif Jabatan	12
1.4 Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Nasional	13
1.5 Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sarawak	14
BAB 2 : Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah	
2.1 Isu Dan Cabaran Menangani Rasuah	16
2.2 Pembangunan Pelan OACP LPKP Sarawak	18
BAB 3 : Kupasan Data	
3.1 Dapatan Data Yang Dikumpul	24
3.2 Analisis Data	27
3.3 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko	28
BAB 4 : Kerangka OACP	
4.1 Kerangka Utama OACP LPKP Sarawak	30
4.2 Ringkasan Kerangka OACP LPKP Sarawak	31
4.3 Strategi Dan Objektif Strategik OACP LPKP Sarawak	31
BAB 5 : Pelan Tindakan Dan Inisiatif	
5.1 Bidang Keutamaan 1 : Pelesenan	33
5.2 Bidang Keutamaan 2 : Kewangan Dan Perolehan	34
5.3 Bidang Keutamaan 3 : Tadbir Urus	35
BAB 6 : Tadbir Urus	
6.1 Mekanisme Pelaksanaan	37
6.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian	39
BAB 7 : Kesimpulan	
7.1 Kesimpulan	41
Penghargaan	43
Sidang Editor	45



PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN Pengerusi

Datuk Ding Kuong Hiing
Pengerusi
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak



Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada pihak yang telah terlibat dalam merealisasikan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak tahun 2022-2026. Pelan ini adalah salah satu inisiatif LPKP Sarawak untuk mencegah aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan kelemahan tadbir urus jabatan.

Pelan ini disediakan selaras dengan objektif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2013 yang dilancarkan pada 29 Januari 2019, berperanan sebagai kawalan yang efektif kepada agenda integriti bagi pengukuhan identiti LPKP Sarawak sebagai agensi/jabatan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan permit kenderaan perdagangan di Sarawak. Jalinan kerjasama yang strategik antara LPKP Sarawak, Akademi Pencegah Rasuah Malaysia (MACA) dan Institut Integriti Malaysia (IIM) telah berjaya mendoktrinkan dokumen yang bersepadu, sesuai dengan keperluan perkhidmatan yang disediakan oleh LPKP Sarawak.

Terdapat tiga (3) bidang keutamaan sistem pentadbiran LPKP Sarawak yang telah digariskan di dalam pelan ini iaitu bidang Pelesenan, bidang Kewangan dan Perolehan, dan bidang Tadbir Urus. Dengan itu, bidang-bidang keutamaan yang digariskan wajar diberi perhatian dan dilaksanakan dengan amanah bagi memastikan penerapan perkhidmatan berkualiti oleh setiap warga kerja LPKP Sarawak.

Akhir kata, saya berharap agar OACP LPKP Sarawak mendapat sokongan daripada semua peringkat sekaligus membentuk organisasi yang bebas rasuah dengan warganya yang membudayakan elemen ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pelaksanaan tugas.

Sekian, terima kasih.



PRAKATA PENGARAH

PRAKATA PENGARAH

Masitah binti Annuar
Pengarah
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak



Salam Sejahtera,

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana izin-Nya, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak telah berjaya menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) LPKP Sarawak 2022-2026.

Pelan ini dibangunkan secara holistik dengan mengambil kira keperluan untuk membentuk budaya dan sistem yang berteraskan governans dan integriti terutamanya dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat. Inisiatif integriti melalui OACP LPKP merupakan platform yang sesuai bagi meningkatkan kualiti tadbir urus penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan misi LPKP Sarawak bagi “Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti dan Bersepadu.”

Perkhidmatan awam merupakan tulang belakang kepada Kerajaan khususnya dalam penyampaian perkhidmatan. Penjawat awam berintegriti yang boleh diteladani merupakan cerminan pentadbiran Kerajaan. Justeru, warga LPKP Sarawak diseru agar menggunakan pendekatan kerjasama dan perkongsian pintar untuk pelaksanaan bagi setiap strategi yang digariskan.

Saya bagi pihak seluruh warga kerja LPKP Sarawak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung dan secara tidak langsung dalam penghasilan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) LPKP Sarawak 2022-2026. Dengan komitmen yang berterusan, saya yakin visi dan misi OACP LPKP Sarawak boleh tercapai dan seterusnya membantu kerajaan bagi menangani isu integriti dan rasuah dengan lebih berkesan.

Sekian, wassalam.



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak 2022 – 2026 telah dibangunkan hasil daripada komitmen penuh Jawatankuasa Pembangunan OACP LPKP Sarawak yang telah dilantik serta kerjasama warga LPKP Sarawak termasuk pejabat Cawangan Sibuan dan Miri bagi memastikan dokumen ini berjaya diterbitkan sebagai panduan. Penyediaan OACP ini juga seiring dengan komitmen Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sarawak untuk menjayakan agenda integriti kebangsaan dalam memerangi rasuah habis-habisan demi merealisasikan sebuah negara yang berintegriti dan bebas rasuah.

Dokumen ini menggariskan tiga (3) bidang keutamaan dalam menangani permasalahan isu integriti, governans, dan rasuah. Tiga (3) bidang keutamaan yang telah dikenalpasti adalah **Pelesenan, Kewangan dan Perolehan dan Tadbir Urus**. Tiga (3) strategi dan empat (4) objektik strategik serta tiga belas (13) pelan tindakan telah dikenalpasti dan didokumenkan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan OACP LPKP Sarawak.

OACP LPKP Sarawak juga dibangunkan dengan objektif-objektif berikut :

1. Meningkatkan tadbir urus terbaik dalam semua bahagian / cawangan dan unit dalam pambanteras rasuah sekaligus meningkatkan imej LPKP Sarawak;
2. Membudayakan integriti dan nilai bersama dalam memastikan sistem pengurusan dan pentadbiran LPKP Sarawak dapat dilaksanakan dalam persekitaran sifar toleransi terhadap rasuah; dan
3. Memperkukuhkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan LPKP Sarawak berpandukan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan berdaya saing.

The background features a low-angle, upward-looking view of modern skyscrapers with glass facades. The image is overlaid with several large, semi-transparent geometric shapes: a dark blue triangle in the top-left, a light blue triangle in the bottom-left, and a large orange trapezoid in the center. The text is centered within the orange shape.

BAB 1 : PENGENALAN


BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan bertanggungjawab untuk melaksana Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan Kaedah-Kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi menguatkuasakan Akta LPKP 1987 (Akta 334).

Ibu Pejabat LPKP Sarawak terletak di Kuching dan mempunyai dua (2) buah pejabat cawangan iaitu di Sibu dan Miri.



1.2 Bidang Kuasa Dan Fungsi

Bidang kuasa dan fungsi LPKP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) adalah seperti berikut:

- Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak;
- Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- Menggantung, membatalkan atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 (Akta 334) serta kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya serta undang-undang lain yang berkuatkuasa;
- Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- Melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat Indonesia atau negara lain yang dibenarkan beroperasi di Sarawak;
- Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dipohon;
- Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan;
- Menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen, mengenakan bayaran, menetapkan penalti dan menentukan tanda pengenalan kepada kenderaan perdagangan;

1.3 Visi, Misi Dan Objektif Jabatan

VISI

“Peneraju Transformasi Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Bertaraf Dunia”

MISI

“Memastikan Perkhidmatan Pelesenan Kenderaan Perdagangan Berdaya Saing Tinggi, Telus, Berintegriti Dan Bersepadu”

OBJEKTIF

- a. Merancang dan mewujudkan dasar dan syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
- b. Melaksana dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- c. Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
- d. Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
- e. Mempertimbangkan dan meluluskan permohonan baharu, membaharui dan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa.
- f. Melaksanakan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 (Akta 334) dan kaedah-kaedah berkenaan.
- g. Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
- h. Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
- i. Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam

1.4 Dasar Integriti Dan Tadbir Urus Nasional


Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam agenda pembanterasannya rasuah dan telah meletakkan agenda ini sebagai salah satu keutamaan dalam pembangunan nasional. Oleh yang demikian, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004, Program Transformasi Kerajaan (GTP) pada Tahun 2010, Program Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) pada tahun 2013, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Pelan NACP ini merupakan dasar untuk memerangi rasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk melihat negara ini bebas rasuah serta mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti tinggi.

Penggubalan pelan ini adalah selaras dengan Artikel 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Memerangi Rasuah (UNCAC) yang mana Malaysia merupakan salah sebuah negara anggota. Visi utama pelancaran NACP ini adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu:

- i. Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-undang;
- ii. Penyampaian Perkhidmatan Awam yang cekap dan responsif; dan
- iii. Integriti dalam perniagaan.

Melalui kerjasama dengan pelbagai pihak dalam menangani rasuah ini, kerajaan bertekad untuk mewujudkan senario baru dalam negara yang berasaskan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan nilai integriti. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat dan seterusnya membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi di pentas dunia.



1.5 Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sarawak

Pelan Antirasuah Organisasi atau lebih dikenali sebagai OACP dibangunkan untuk membantu organisasi merangka strategi korporatnya secara menyeluruh dalam menangani risiko rasuah. Matlamat utamanya adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional **“Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”**.

OACP adalah perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik. Pelaksanaannya akan meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga organisasi tentang nilai-nilai kerja beretika dan berintegriti serta menolak sebarang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah Inisiatif 2.1.5 telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di semua sektor awam (Kementerian dan Kerajaan Negeri) dengan bantuan 3 buah agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Kebaikan OACP ini kepada sesebuah organisasi adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan pelan tindakan yang menerapkan nilai dan etika serta usaha pelaksanaan agenda antirasuah organisasi;
- ii. Memastikan pelaksanaan menyeluruh dan berkesan terhadap penerapan, penghayatan dan pengamalan integriti;
- iii. Melaksanakan pemantauan terhadap pelan antirasuah yang telah dirancang;
- iv. Menilai dan menambah baik pelan tindakan antirasuah secara berterusan; dan
- v. Sebagai langkah pencegahan kepada kelemahan integriti serta salah laku dalam organisasi.

Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam agenda membanteras rasuah, LPKP Sarawak telah merancang untuk mewujudkan OACP LPKP Sarawak dengan menyertai taklimat dan kursus daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Sehubungan dengan itu, OACP LPKP Sarawak akan dilaksanakan dalam tempoh masa 5 tahun, iaitu dari tahun 2022-2026. Ruang lingkup pelaksanaan OACP LPKP Sarawak hendaklah merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat dalam struktur organisasi LPKP Sarawak.



BAB 2 :
ISU DAN CABARAN
MENANGANI RASUAH

BAB 2 : ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

2.1 Cabaran Menangani Rasuah

Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Integriti Nasional (PIN) sebagai usaha menginstitusikan integriti melalui kewujudan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai badan yang menerajui agenda pembudayaan integriti di Malaysia. Namun pada 2019, PIN dimansuhkan dan digantikan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP, 2019-2023).

Transisi daripada PIN kepada NACP memperlihatkan perubahan struktur dalam menggerakkan modus operandi agenda pembanteras rasuah dan pembudayaan integriti di peringkat nasional yang melibatkan peranan kerajaan, sektor swasta dan korporat, komuniti dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Walau bagaimanapun, cabaran utama Kerajaan adalah untuk memantapkan integriti penjawat awam. Ini disebabkan oleh bilangan penjawat awam yang ramai dan berkhidmat dalam pelbagai agensi sehingga mengakibatkan kesukaran untuk menerapkan budaya kerja cemerlang di kalangan penjawat awam. Kebocoran maklumat sulit Kerajaan yang sering berlaku telah menyebabkan integriti penjawat awam diragui.

Perbuatan tidak melaporkan tawaran, pemberian, permintaan atau penerimaan rasuah telah menjadi satu kesalahan menurut Seksyen 25(2) dan Seksyen 25(4) Akta SPRM 2009 dan boleh dipenjara atau didenda sekiranya didapati bersalah. Justeru, komitmen untuk membanteras rasuah bukan hanya terletak pada SPRM atau Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebaliknya semua pihak bertanggungjawab untuk melaporkan jenayah itu.

Kerajaan telah menyediakan ganjaran kewangan kepada mana-mana penjawat awam yang bertindak sebagai *whistleblower* dalam melaporkan rasuah di tempat kerja berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang telah dipengerusikan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 19 Ogos 2010.

Tahap kepercayaan rakyat terhadap kerajaan telah menjadi elemen penting dalam memastikan agar sesuatu dasar yang dirangka dapat dilaksanakan secara berkesan. Hakikat yang tidak dapat dinafikan adalah kepercayaan rakyat berkait rapat keyakinan terhadap perkhidmatan awam. Kepercayaan dan keyakinan rakyat akan bertambah baik sekiranya perkhidmatan awam mempunyai imej yang berintegriti tinggi, berdaya saing serta efektif. Jika imej perkhidmatan awam tercalar akibat pelbagai salah laku dan rasuah, kepercayaan dan keyakinan terhadap kerajaan juga akan merosot.

Sumber :

- Muhammad Ariff Asyrul Adnan, Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), UiTM Pahang (petikan artikel di dalam Sinar Harian bertarikh 19 Mac 2022);
- Haris Zuan, Felo Penyelidik, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), UKM (petikan artikel di dalam Sinar Harian bertarikh 19 Mac 2022);
- Varia Ranah : Sorotan Ilmiah Perkhidmatan Awam (m.s 278);
- Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed, Ketua Kluster Tadbir Urus dan Integriti, Majlis Profesor Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pusat Pengajian Kerajaan Kolej Undang-undang Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa UUM. (petikan artikel di dalam Berita Harian bertarikh 17 Januari 2022).

Sinar Harian | 29 July 2021 | Page 11

Masyarakat perlu putus rantai amalan rasuah

Jangan bergantung kepada SPFM semata-mata

0608 MUKHIBIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Masyarakat diharap dapat mengakhiri amalan rasuah dan tidak bergantung kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semata-mata.

Ketua Pasukan Rasuah Bersih, Datin Huseinuddin Yusoff berkata, peranan tereset perlu dinikah supaya SPFM dapat mempromosikan ke-putihan dan mengukuhkan mereka yang terlibat rasuah.

Program Sinar Live anjuran Yayasan Antirasuah Malaysia (YAMM) terbahari turut menampilkan Ketua Puanahjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datin Seri Azam Baki dan mantan magistrat, Firdaus Ramlan.

Kaj selidik ini dibentangkan Pegawai Integriti Bertanah (CEBI) Malaysia Kakitangan Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Norhalimah Mohd Sabudin serta cendekiawan daripada Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia (UPSI) iaitu Profesor Madya Dr Haniza Harizan, Profesor Madya Dr Akmar Hayati Abdul Ghani dan Profesor Madya Dr Haliza Abid Rahman.

"Saya nasakan depuan daripada bawli kajian ini menunjukkan beberapa pemikuan dan kesedaran mahasiswa mengenai rasuah berkesan inu soalid ada. "Kita kena memastikan kajian politik dilakukan penera rasuah puing serisa, kita kena pastikan pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) nanti, mana-mana (ahli politik) yang ada rekod rasuah, kita tidak. "Tidak kira apa parti atau agensi what pun, kalau mereka terlibat atau terlibat dengan rasuah, kita harus tolak dan kita paha pemertua pemertua yang bersih," ujar beliau.

Salawati Mat Hair dan Penganalisis Je-ropah, Kamul Affandi Haidari.

Abdul Sama ber-ata, ancaman ber-ka di sekeliling tera- samanya kepada pengantukusan tan- pa mengira darjat. "Mereka yang be- nyak kuasa lebih be- nyak ancaman. Namun jali pe- ngawal keselamatan pun dia ada- aka kuasa. "Kita selaha melihat yang ber- angkat besar (berkepala an- cuman rasuah) tapi sebenarnya ada sahaja sahaja kuasa, me- mber- hant pengkhidmatan dan penghe- luan, mereka dia ada kuasa," kata- nya.

Justeru, vijanya, pengant- kuan perlu seriosa diperka- ingratnya kerana wang dan pelung seriosa wujud. "Seperti Covid-19, pande- mik rasuah juga perlukan pen- jarkuan fizikal. Kurangan ber- daya dengan wang yang ada- kepantasan.

Salawati Mat Hair dan Penganalisis Je-ropah, Kamul Affandi Haidari.

Abdul Sama ber-ata, ancaman ber-ka di sekeliling tera- samanya kepada pengantukusan tan- pa mengira darjat. "Mereka yang be- nyak kuasa lebih be- nyak ancaman. Namun jali pe- ngawal keselamatan pun dia ada- aka kuasa. "Kita selaha melihat yang ber- angkat besar (berkepala an- cuman rasuah) tapi sebenarnya ada sahaja sahaja kuasa, me- mber- hant pengkhidmatan dan penghe- luan, mereka dia ada kuasa," kata- nya.

Justeru, vijanya, pengant- kuan perlu seriosa diperka- ingratnya kerana wang dan pelung seriosa wujud. "Seperti Covid-19, pande- mik rasuah juga perlukan pen- jarkuan fizikal. Kurangan ber- daya dengan wang yang ada- kepantasan.

Sinar Harian | 3 Disember 2020 | Page: 20

Rasuah di Malaysia sudah jadi pandemik

Ancaman berlaku di sekeliling terutamanya kepada penguatkuasaan

SHAH ALAM

Malaysia kini bukan hanya berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang merebak dengan cepat, tetapi pandemik rasuah yang juga mengancam keselamatan negara.

"Kalau pada kita melihat ini sebagai pelang, tetapi sebenarnya inilah ancaman. Maka kita perlu meningkatkan pencegahan dari segi memperkuatkan in- tegriti dia," katanya.

"Pulang ditung dengan per- lun pencegahan rasuah, tetapi mana-mana yang ada ke- ingatan yang akan meng- ingat kepada pencegahan rasuah yang akan meng- ingat kepada pencegahan rasuah," katanya.

Hal ini berkata demikian dalam penerbitan Wacana Sinar Harian Edisi ke-212 bertajuk 'Kekeliruan Negara: Antara Pengantukusan dan Penal- an' yang diadakan di Komplek- sium Kuala Lumpur pada 2 Disember lalu.



Wacana yang dibentangkan oleh Ahmad Fahim Mohd Sam- udin ini turut memuatkan dua- liti panelis iaitu Pakar Undang- Undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr

seorang yang diberi amaran mengaja ke- dudukan negara. "Kalau pada kita melihat ini sebagai pelang, tetapi sebenarnya inilah ancaman. Maka kita perlu meningkatkan pencegahan dari segi memperkuatkan in- tegriti dia," katanya.

"Pulang ditung dengan per- lun pencegahan rasuah, tetapi mana-mana yang ada ke- ingatan yang akan meng- ingat kepada pencegahan rasuah yang akan meng- ingat kepada pencegahan rasuah," katanya.

Hal ini berkata demikian dalam penerbitan Wacana Sinar Harian Edisi ke-212 bertajuk 'Kekeliruan Negara: Antara Pengantukusan dan Penal- an' yang diadakan di Komplek- sium Kuala Lumpur pada 2 Disember lalu.

Wacana yang dibentangkan oleh Ahmad Fahim Mohd Sam- udin ini turut memuatkan dua- liti panelis iaitu Pakar Undang- Undang Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr



2.2 Pembangunan Pelan OACP LPKP Sarawak


LPKP Sarawak telah melaksanakan pelbagai pendekatan dalam membangunkan Pelan OACP LPKP Sarawak. Data-data dan maklumat telah dikumpul dan dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh Bahagian dan Unit dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan.

LPKP Sarawak juga telah melaksanakan Corruption Risk Management (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko yang berkaitan dengan isu governans, integriti dan antirasuah. Kaedah ini penting bagi mencegah sebarang usaha negatif yang boleh menjejaskan penyampaian Perkhidmatan dan imej Jabatan. Berikut adalah inisiatif-inisiatif yang telah dibuat bagi mencapai sasaran pembangunan Pelan OACP LPKP Sarawak :

2.2.1 Taklimat Pelan Pembangunan dan Penggubalan Antirasuah Organisasi (OACP)

20 Ogos 2021

- Program ini telah dianjurkan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) secara atas talian dan dihadiri oleh Encik Abang Zulkarnain Bin Abang Haji Ibrahim, Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Pengurusan LPKP Sarawak).
- Objektif program adalah untuk meningkatkan kefahaman berkenaan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dalam menangani permasalahan governans, integriti dan antirasuah. Program ini juga berperanan memberi pendedahan awal ke atas prosedur pembangunan OACP di agensi dan jabatan .



2.2.2 Taklimat Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) LPKP Sarawak

8 November 2021


- Program ini bertujuan untuk memperkenalkan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) kepada pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai LPKP Sarawak, selaras dengan usaha pembangunan OACP LPKP Sarawak.
- Program ini telah diadakan secara fizikal dan secara atas talian dengan kerjasama penceramah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sarawak.
- Peserta-peserta program adalah terdiri daripada Pengarah, ketua-ketua Bahagian, ketua-ketua Cawangan dan ketua-ketua Unit di Ibu Pejabat termasuk pejabat Cawangan Sibu dan Miri.



2.2.3 Ceramah Integriti

8 November 2021



- Program ini bertujuan untuk membentuk pemikiran yang positif, memberi kesedaran nilai-nilai integriti dalam aspek tugas seharian, meningkatkan komitmen penjawat awam tentang aspek pembudayaan integriti dalam organisasi dan meningkatkan nilai kerja cemerlang dan pengurusan sahshiah sendiri.
- Program ini telah diadakan secara fizikal dan secara atas talian dengan kerjasama penceramah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sarawak.
- Peserta-peserta program adalah terdiri daripada semua kakitangan LPKP Sarawak termasuk pejabat Cawangan Sibu dan Miri.



2.2.4 Kursus Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Siri 3 Tahun 2022

21 – 24 Mac 2022

- Kursus ini bertujuan untuk memahami konsep asas undang-undang dan Dasar Awam berkenaan pencegahan rasuah. Selain daripada itu, kursus ini juga mendemonstrasi pemahaman dalam analisa maklumat organisasi berkaitan Rasuah, Governans dan Integriti (RGI) serta membangunkan inisiatif pencegahan rasuah yang menyeluruh.
- Kursus ini telah dianjurkan secara atas talian oleh Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).
- Peserta-peserta kursus adalah terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Anti Rasuah (OACP) LPKP Sarawak.




2.2.5 Bengkel Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) LPKP Sarawak

17 Ogos 2022

- Program ini bertujuan untuk mengenalpasti pemasalahan dan kelemahan governans, integriti dan rasuah di LPKP Sarawak serta membincangkan inisiatif pencegahan rasuah yang menyeluruh bagi organisasi dan membangunkan dokumen Pelan Anti Rasuah LPKP Sarawak bagi tempoh lima (5) tahun bermula Tahun 2022 sehingga Tahun 2026;
- Peserta-peserta program adalah terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan Anti Rasuah (OACP) LPKP Sarawak.
- Jawatankuasa ini telah diwujudkan melalui surat lantikan Bil. LPKP.SRWK.500-11/3/1 Jld.2 (46) bertarikh 15 Mac 2022.





BAB 3 : KUPASAN DATA

BAB 3 : KUPASAN DATA


3.1 Dapatan Data Yang Dikumpul

Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sarawak telah menganalisa beberapa data yang berkaitan (sumber dalaman dan luaran) bagi mengenal pasti risiko-risiko yang boleh menyumbang ke arah kelemahan, tadbir urus, integriti dan rasuah. Data-data yang dikaji diperolehi daripada Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN 2.0), Laporan Tatatertib, Laporan Aduan dan sumber-sumber dalaman lain yang berkaitan.

Hasil dapatan analisa tersebut telah membantu Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sarawak dalam mengenalpasti risiko dalaman dan luaran yang berpotensi mengakibatkan salah laku rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga LPKP Sarawak. Pelan tindakan penambahbaikan dan inisiatif tambahan juga telah diwujudkan dan akan dilaksanakan terutama dari segi pemantapan program yang dapat mengurangkan risiko rasuah, isu integriti dan tadbir urus dalam kalangan warga LPKP Sarawak.



3.1.1 Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai 2.0 (SPAN)



Berdasarkan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai 2.0 (SPAN) Tahun 2021, LPKP Sarawak telah mendapat markah sebanyak 82.24%. Ini bermaksud, LPKP Sarawak di bawah kategori agensi yang mempunyai kesedaran dan penghayatan nilai-nilai murni namun tahap pengamalan masih pada tahap yang memuaskan. LPKP Sarawak perlu meningkatkan tahap pengamalan nilai-nilai murni supaya dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang. LPKP Sarawak juga memerlukan penambahbaikan ke atas program nilai sedia ada dan membetuk program baru di mana sesuai. Fokus perlu diberi dalam membuat penambahan variasi program nilai untuk mempertingkatkan amalan nilai.

Manakala bagi indeks skala kejujuran, LPKP Sarawak telah mendapat markah 41% (Tinggi), yang bermaksud LPKP Sarawak adalah agensi yang boleh dipercayai oleh pelanggan.

3.1.2 Laporan Tatatertib

Laporan tatatertib Jabatan bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2017 sehingga tahun 2021 menunjukkan tahap integriti Jabatan di tahap yang memuaskan kerana hanya satu (1) kes tatatertib sahaja yang telah dikenalpasti pada tahun 2019 dan telah dijatuhkan hukuman oleh Lembaga Tatatertib.

Namun, perkara ini tidak dapat menjamin bahawa isu disiplin dan integriti tidak akan berlaku pada masa akan datang dan diharapkan agar adanya OACP LPKP Sarawak yang dibangunkan ini dapat menjadi panduan bagi langkah pencegahan agar unsur-unsur integriti sentiasa berada di tahap yang cemerlang.

BIL.	TAHUN	BILANGAN KES TATATERTIB	JENIS KESALAHAN
1.	2017	0	-
2.	2018	0	-
3.	2019	1	Tidak Hadir Bertugas
4.	2020	0	-
5.	2021	0	-

3.1.3 Laporan Aduan

Berdasarkan rekod Jabatan, laporan aduan terhadap kakitangan bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2017 sehingga tahun 2021 juga menunjukkan bahawa tahap kualiti perkhidmatan yang telah diberikan oleh warga LPKP Sarawak masih di tahap yang memuaskan. Ini kerana hanya terdapat satu (1) aduan yang melibatkan pegawai berkaitan dengan perkhidmatan di kaunter LPKP Sarawak pada tahun 2018.

BIL.	TAHUN	BILANGAN ADUAN	SALURAN ADUAN	JENIS ADUAN
1.	2017	0	-	-
2.	2018	1	Biro Pengaduan Awam	Perkhidmatan kaunter
3.	2019	0	-	-
4.	2020	0	-	-
5.	2021	0	-	-

3.2 Analisis Data

Setelah analisa data dibuat, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sarawak telah mengenalpasti tiga (3) bidang risiko dan enam (6) isu/permasalahan/kelemahan yang berpotensi menyebabkan berlakunya salah laku rasuah, penyelewangan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga LPKP Sarawak. Berikut adalah senarai tiga (3) bidang yang telah dikenalpasti dan aktiviti utama bagi bidang-bidang tersebut :

Bidang	Pelesenan	Kewangan & Perolehan	Tadbir Urus
Aktiviti Utama	<ul style="list-style-type: none"> Menimbang dan meluluskan permohonan lesen baharu, membaharui dan ubahsyarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri; Melaksanakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain; Melesenkan kenderaan perdagangan negeri/ negara lain yang dibenarkan beroperasi di negeri; Merekod penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan; Mengkaji dan menentukan prosedur permohonan, memproses dan menimbang permohonan lesen; 	<ul style="list-style-type: none"> Merancang dan memantau pelaksanaan urusan berkaitan kewangan dan perakaunan; Merancang dan memantau pelaksanaan urusan berkaitan perolehan. 	<ul style="list-style-type: none"> Merancang dan memantau pelaksanaan urusan pentadbiran pejabat; Merancang dan memantau pelaksanaan urusan berkaitan sumber manusia;


Manakala berikut adalah senarai enam (6) isu/permasalahan/kelemahan yang telah dikenalpasti dan boleh mengundang kepada risiko rasuah di dalam organisasi serta dikategorikan mengikut tiga (3) konteks isu iaitu Governans (G), Integriti (I) dan Rasuah (R) seperti di bawah :

Kategori	Rasuah	Governans dan Integriti
Isu/ Permasalahan / Kelemahan	Permintaan Habuan Mempercepatkan Proses Permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan (R)	Campur Tangan Politik Dalam Proses Permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan (I)
		Ketidakpatuhan kepada prosedur dan tatacara perolehan Kerajaan (G)
		Proses Penyaluran Bantuan Kerajaan Yang Kurang Efektif (G)
		Tidak hadir bertugas / lewat hadir ke pejabat (I)
		Dasar yang tidak jelas dan sudah lapuk (G)

3.3 Bidang-Bidang Keutamaan Berisiko

Bagi menentukan senarai bidang risiko mengikut keutamaan, Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP) LPKP Sarawak telah menggunakan kaedah Residual Risk Rating bagi menentukan bidang risiko mengikut keutamaan.

Nama Organisasi
 LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
RISK MAP – (23 Mac 2022)



No	Risiko	Bidang Keutamaan
1	Permintaan Habuan Mempercepatkan Proses Permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan	Pelesenan
2	Campur Tangan Politik Dalam Proses Permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan	Pelesenan
3	Ketidakpatuhan kepada prosedur dan tatacara perolehan Kerajaan	Kewangan & Perolehan
4	Proses Penyaluran Bantuan Kewangan Kerajaan Yang Kurang Efektif	Kewangan dan Pentadbiran
5	Dasar Yang Tidak Jelas Dan Lapuk	Pelesenan
6	Tidak Hadir Bertugas & Lewat Hadir Ke Pejabat	Tadbir Urus



BAB 4 : KERANGKA OACP

BAB 4 : KERANGKA OACP

4.1 Kerangka Utama OACP LPKP Sarawak



VISI

Ke Arah Organisasi Cemerlang Tadbir Urus, Integriti dan Bebas Rasuah



MISI

Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus baik bagi mewujudkan persekitaran kerja yang berintegriti tinggi



MATLAMAT

Mewujudkan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan responsif berteraskan akauntabiliti dan kredibiliti bagi memantapkan dan memperkukuhkan governans, integriti dan antirasuah meliputi semua aktiviti dalam organisasi.



BIDANG KEUTAMAAN


- Pelesenan
- Kewangan Dan Perolehan
- Tadbir Urus



STRATEGI


1. Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pelesenan LPKP Sarawak
2. Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan LPKP Sarawak
3. Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik LPKP Sarawak

4.2 Ringkasan Kerangka OACP LPKP Sarawak 2022 – 2026



4.3 Strategi Dan Objektif Strategik

<p>Strategi 1 : Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pelesenan LPKP Sarawak</p>	<p>• Objektif Strategik •Memperkasa tadbir urus dan memantau mekanisme kawalan sistem ke atas pengurusan pelesenan</p>
<p>Strategi 2 : Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan LPKP Sarawak</p>	<p>•Objektif Strategik •Memperkemas, menguatkuasa dan memantau secara berkala mekanisme kawalan ke atas urusan berkaitan tatacara perolehan Kerajaan. •Memperkemas, menguatkuasa dan memantau secara berkala mekanisme kawalan ke atas urusan berkaitan Bantuan Kewangan Kerajaan.</p>
<p>Strategi 3 : Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik LPKP Sarawak</p>	<p>•Objektif Strategik •Mempertingkatkan dan memantau secara berkala pematuhan ke atas arahan, pekeliling berkaitan tatakelakuan penjawat awam.</p>



BAB 5 :
PELAN TINDAKAN
DAN INISIATIF

BAB 5 : PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

5.1 Bidang Keutamaan 1 : Pelesenan

Strategi		Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan pelesenan LPKP Sarawak		
Objektif Strategik		Memperkasa tadbir urus dan memantau mekanisme kawalan sistem ke atas pengurusan pelesenan		
Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Permintaan Habuan Mempercepatkan Proses Permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan	Mewujudkan Kod Etika sebagai garis panduan bagi warga LPKP Sarawak	Bahagian Perancangan Strategik	6 bulan (2022)
		Melaksanakan digitalisasi sistem sepenuhnya bagi pengurusan permohonan lesen kenderaan perdagangan	Bahagian Pelesenan	5 tahun (2019 - 2023)
		Meningkatkan kesedaran semua pegawai LPKP mengenai pencegahan rasuah	Bahagian Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)
2.	Campur Tangan Politik Dalam Proses Permohonan Lesen Kenderaan Perdagangan	Mewujudkan Kod Etika sebagai garis panduan bagi ahli lembaga LPKP	Bahagian Perancangan Strategik	6 bulan (2022)
3.	Dasar Yang Tidak Jelas Dan Lapuk	Menganjurkan Bengkel Pemurnian Dasar	Bahagian Perancangan Strategik	Satu (1) kali setahun (2022 – 2026)
		Melaksanakan Sesi Dialog Bersama Pelesen	Unit Komunikasi Korporat	Empat (4) kali setahun (2022 – 2026)

5.2 Bidang Keutamaan 2 : Kewangan Dan Perolehan

Strategi		Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan LPKP Sarawak		
Objektif Strategik		Memperkemas, menguatkuasa dan memantau secara berkala mekanisme kawalan ke atas urusan berkaitan tatacara perolehan Kerajaan		
Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Ketidakpatuhan kepada prosedur dan tatacara perolehan Kerajaan	Melaksanakan Mesyuarat Pengurusan LPKP Sarawak secara berkala.	Bahagian Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)
		Melaksanakan program pemantauan pengurusan pejabat yang melibatkan naziran terhadap prosedur pengurusan aset dan stor serta pengurusan kewangan dan kutipan hasil di semua pejabat LPKP Sarawak	Bahagian Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)

Strategi		Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan kewangan dan perolehan LPKP Sarawak		
Objektif Strategik		Memperkemas, menguatkuasa dan memantau secara berkala mekanisme kawalan ke atas urusan berkaitan Bantuan Kewangan Kerajaan.		
Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Proses Penyaluran Bantuan Kewangan Kerajaan Yang Kurang Efektif	Menambahbaik syarat, tatacara dan kriteria permohonan bantuan kewangan kerajaan	Bahagian Perancangan Strategik	5 tahun (2022 - 2026)
		Melaksanakan sesi libat urus bersama institusi kewangan yang dilantik	Bahagian Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)
		Melaksanakan sesi dialog dan sesi pengauditan kepada pengusaha bas (Dana Bantuan Sementara Pengusaha Bas Berhenti-Hent - DBSPB)	Bahagian Perancangan Strategik	5 tahun (2022 - 2026)

5.3 Bidang Keutamaan 3 : Tadbir Urus

Strategi		Merekayasa perkhidmatan awam ke arah tadbir urus baik LPKP Sarawak		
Objektif Strategik		Mempertingkat dan memantau secara berkala pematuhan ke atas arahan, pekeliling berkaitan tatakelakuan penjawat awam.		
Bil.	Risiko	Inisiatif	Peneraju/Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Tidak Hadir Bertugas & Lewat Hadir Ke Pejabat	Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib	Bahagian Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)
		Menyediakan laporan pemantauan kehadiran	Bahagian Pengurusan	5 tahun (2022 - 2026)



BAB 6 : TADBIR URUS

BAB 6 : TADBIR URUS

6.1 Mekanisme Pelaksanaan

Unit Pentadbiran LPKP Sarawak telah dilantik sebagai Urusetia Jawatankuasa Antirasuah (JAR) LPKP Sarawak, yang berperanan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti berikut :

6.1.1 Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Pengangkutan Malaysia

- i. Melaporkan status pencapaian dan pelaksanaan OACP LPKP Sarawak; dan
- ii. Membincangkan isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di peringkat Kementerian.

6.1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) LPKP Sarawak

- i. Mengadakan Mesyuarat JAR LPKP Sarawak sebanyak tiga (3) kali setahun;
- ii. Mengumpul maklumat dan membentangkan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah OACP LPKP Sarawak di dalam Mesyuarat JAR LPKP Sarawak; dan
- iii. Mengenalpasti isu-isu berkenaan integriti, governans dan rasuah di peringkat LPKP Sarawak.



6.1.3 Jawatankuasa Pembangunan Pelan Anti Rasuah (OACP) LPKP Sarawak

Bagi memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap, LPKP Sarawak telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Anti Rasuah (OACP) LPKP Sarawak melalui surat lantikan bil. LPKP.SRWK.500-11/3/1 Jld.2 (46) bertarikh 15 Mac 2022 seperti di bawah:

SENARAI NAMA AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH (OACP) LPKP SARAWAK			
BIL.	NAMA	LANTIKAN	JAWATAN
1.	Encik Abang Zulkarnain Bin Abang Haji Ibrahim	Pengerusi	Ketua Bahagian, Bahagian Pengurusan
2.	Puan Siti Khairuniza Binti Ibrahim	Ahli Jawatankuasa	Ketua Bahagian, Bahagian Pelesenan
3.	Cik Jacqueline Anak Charlie	Ahli Jawatankuasa	Ketua Unit, Unit Penasihat Undang-Undang
4.	Encik Wong Siong Siang	Ahli Jawatankuasa	Ketua Cawangan, Pejabat Cawangan Sibu
5.	Cik Elizebeth Mayang Thomas	Ahli Jawatankuasa	Ketua Cawangan, Pejabat Cawangan Miri
6.	Cik Saidatul Natasha Binti Wahid	Urusetia	Ketua Unit, Unit Pentadbiran, Bahagian Pengurusan

Bagi menjayakan OACP LPKP Sarawak, mekanisme pelaksanaan perlu dilaksanakan secara menyeluruh yang melibatkan kerjasama di peringkat Ibu Pejabat dan pejabat Cawangan Sibu dan Miri. Ini kerana setiap peringkat ini memainkan peranan yang penting dan bergerak seiring dalam menyokong pelaksanaan OACP LPKP Sarawak. Hubungan ini juga membantu dalam memastikan persefahaman bersama, pembentukan dasar yang mampan, komitmen terhadap perkongsian sumber dan pelaksanaan yang teratur.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan OACP ini akan mempermudah pelaksanaan strategi dan inisiatif anti rasuah di LPKP Sarawak.

6.2 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan Dan Penilaian

PENYELARASAN

PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan

PENILAIAN

- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai samada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan
- Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik




- Mengemukakan laporan pelaksanaan dan pencapaian inisiatif OACP kepada Urusetia JAR LPKP Sarawak sebanyak tiga (3) kali setahun

- Mengumpul maklumat pencapaian inisiatif OACP LPKP Sarawak
- Membentangkan laporan pelaksanaan dan pencapaian inisiatif OACP LPKP Sarawak di dalam Mesyuarat JAR LPKP Sarawak sebanyak tiga (3) kali setahun.

- Bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun
- Penilaian kualitatif dan kuantitatif semua inisiatif
- Meneliti matlamat OACP dengan menilai strategi dan inisiatif
- Memantau proses pelaksanaan OACP LPKP Sarawak

Urusetia JAR LPKP Sarawak akan mengemukakan laporan pelaksanaan dan pencapaian inisiatif OACP LPKP Sarawak kepada Urusetia JAR Kementerian Pengangkutan Malaysia sebanyak tiga (3) kali setahun



BAB 7 : KESIMPULAN

BAB 7 : KESIMPULAN

Usaha memerangi rasuah harus sentiasa dijadikan agenda utama khususnya di peringkat organisasi dengan melaksanakan pelbagai program kesedaran, pemerkasaan kawalan dalaman serta mengenakan tindakan yang tegas terhadap mana-mana pegawai atau kakitangan yang melakukan kesalahan tata tertib mahupun jenayah. Selaras dengan itu, OACP LPKP Sarawak yang dibangunkan ini bertindak sebagai wawasan kerangka kerja untuk menjadikan LPKP Sarawak sebagai Jabatan yang bersandarkan kepada prinsip integriti dan tadbir urus yang cemerlang.

OACP LPKP Sarawak telah menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun untuk dilaksanakan. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian semasa risiko secara menyeluruh, sebanyak tiga belas (13) inisiatif telah digariskan dan akan diberikan keutamaan agar kelemahan dalam aspek integriti, governans dan rasuah dapat ditangani dengan sistematik. OACP LPKP Sarawak ini juga bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan penting untuk memastikan sebarang risiko rasuah dapat ditangani dengan berkesan.

Bagi memastikan keberkesanan OACP LPKP Sarawak ini, pelaksanaan keseluruhan inisiatif akan dipantau secara berterusan dan penilaian akan dilaksanakan setiap tahun. Keberkesanan setiap inisiatif akan dinilai mengikut perkembangan semasa agar menepati hasrat/*outcome* yang ditetapkan.

Komitmen semua pihak adalah pemangkin utama kepada kejayaan pelaksanaan OACP LPKP Sarawak ini dan secara langsung dapat dijadikan panduan yang jelas berkaitan antirasuah kepada seluruh warga LPKP Sarawak. Pembangunan OACP LPKP Sarawak 2022-2026 ini juga merupakan gambaran komitmen penuh jabatan bagi merealisasikan usaha Kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan sepertimana yang telah dinyatakan dalam NACP 2019–2023.



PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Jawatankuasa Pembangunan OACP LPKP Sarawak 2022-2026 ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan dokumen Pelan Antirasuah Organisasi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak bagi tempoh lima (5) tahun mulai dari Tahun 2022 sehingga Tahun 2026.

- a) **Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong,**
Menteri Pengangkutan Malaysia.

- b) **Yang Berhormat Dato Henry Sum Agong,**
Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia.

- c) **Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing,**
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.

- d) **YBhg. Datuk Isham Ishak,**
Ketua Setiausaha,
Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Pengurusan LPKP Sarawak;

- a) **Puan Masitah Binti Annuar,**
Pengarah,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.

- b) **Encik Razami Bin Mohamad Jamali,**
Timbalan Pengarah,
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.

Tenaga Pakar;

- a) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sarawak.
- b) Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).
- c) Institut Integriti Malaysia (IIM).

Dan

Semua Warga Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.



SIDANG EDITOR

SIDANG EDITOR

Penasihat

Puan Masitah Binti Annuar

Ketua Editor

Encik Abang Zulkarnain Bin Abang Haji Ibrahim

Pasukan Editor

Puan Siti Khairuniza Binti Ibrahim

Cik Jacqueline Anak Charlie

Encik Wong Siong Siang

Cik Elizebeth Mayang Thomas

Cik Saidatul Natasha Binti Wahid

TERSOHOR
Harimau
Kerana
BELANG



TERCELA
MANUSIA
Kerana
RASUAH

Jangan Beri,
Jangan Terima **RASUAH**



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



Kod QR Laman Web Rasmi LPKP Sarawak

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak
Tingkat 12, Bangunan Sultan Iskandar,
Jalan Simpang Tiga
93300 Kuching, Sarawak.